

# Teliti semula status tanah Orang Asli

BH . 23/5/2016

ms. 11

**S**ungguhpun asal kejadian semua manusia adalah sama, nasib sesuatu kaum boleh berbeza dengan kaum yang lain. Perbezaan itu ditentukan oleh manusia sendiri, melalui undang-undang, akta, polisi atau budaya. Di Malaysia, masyarakat Orang Asli dianggap sebagai kelompok yang kurang diberi pembelaan, kerana nasib mereka masih tidak sebaik kaum lain.

Perkataan generik Orang Asli merujuk sekurang-kurangnya 18 suku Orang Asli di Semenanjung. Mereka dibahagikan kepada tiga kelompok utama iaitu Semang atau Negrito (suksu Kensi, Kintak, Lanoh, Jahai, Mendriq dan Bateq); Senoi (suksu Temiar, Semai, Semoq Beri, Jah Hut, Mahmeri dan Che Wong); serta Melayu-Proto (suksu Orang Kuala, Orang Kanaq, Orang Seletar, Jakun, Semelai dan Temuan).

Kehidupan sebahagian mereka yang pada asalnya berpindah-randah, di samping penciptaan undang-undang atau polisi kurang memihak kepada mereka, menyebabkan isu pemilikan tanah untuk mereka belum dapat diselesaikan secara tuntas. Kebiasaan

sebahagian mereka mendiami hutan atau pinggir hutan suatu ketika dahulu, juga menimbulkan isu keselamatan.

Novelis Orang Asli terkenal, Akiya melalui novelnya *Perang Sangkil*, *Pos Terakhir* dan cerpen-cerpennya, mengangkat tema gejolak masyarakat Orang Asli. Oleh sebab beliau mewakili suara kaumnya, karya-karya itu satu representasi tulen tentang masalah sosio budaya Orang Asli, termasuk soal pemilikan tanah.

## Pembangunan pesat

Malaysia terus alami pembangunan pesat dalam sektor ekonomi dan pertanian. Melalui rancangan pembangunan lima tahun, sejawanya kedudukan dan status Orang Asli di negara ini diteliti semula. Penelitian tersebut termasuklah melihat semula Undang-undang Tanah membabitkan Orang Asli.

Menurut suatu kajian, polisi kerajaan terhadap Orang Asli adalah berbentuk pengekalan pemeliharaan dan paternalistik, termaktub dalam Ordinan Orang Asli 1954, Kertas Polisi 1963 dan Akta Orang Asli 1986. Sungguh-

pun jarak antara Ordinan 1954 dengan Akta 1986 sudah melebihi 30 tahun, tetapi hampir tiada perbezaan besar.

Semua Undang-undang tersebut meletakkan Orang Asli di bawah tanggungjawab Jabatan Orang Asli (JOA) yang kemudian ditukar namanya sahaja kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Sungguhpun mereka diberi galakan dan bantuan dalam aspek pendidikan, perniagaan dan peluang pekerjaan, secara umum polisinya sentiasa dipengaruhi oleh dua pertimbangan - keadaan keselamatan negara dan integrasi nasional.

Akan tetapi perkembangan baru menunjukkan, isu keselamatan serta integrasi nasional bukanlah isu yang patut dibebankan kepada Orang Asli. Masyarakat Orang Asli harus melangkah lebih jauh, tetapi mereka dihambat oleh polisi 'perubahan secara beransur-ansur' dan 'pembaharuan terancang' bagi mereka.

Kajian juga mendapati, ada banyak percanggahan dalam undang-undang membabitkan Orang Asli termasuklah perkara berkaitan dengan jaminan hak

milik ke atas tanah bagi pelbagai kumpulan Orang Asli. Akta 1984 sudah usang, kerana kita sudah berada pada tahun 2016. Justeru, segala akta, undang-undang, serta polisi yang membabitkan Orang Asli wajar disemak semula dan dikemaskini.

## Sukar dapat jaminan

Seorang daripadanya dalam pertemuan dengan penulis menge-luh, betapa sebagai bumiputera mereka sukar dapat jaminan hak milik tanah. Sedangkan, menurutnya, kenalannya daripada kaum kaum lain bukan bumiputera, boleh memiliki tanah.

Dalam 'Seminar Sastera Pelbagai Kaum' di Kuala Lumpur baru-baru ini, Profesor Emeritus Dr Hood Salleh mencadangkan agar lebih banyak kampung-kampung baharu untuk Orang Asli dibina di negara ini. Dengan cara itu mereka dapat memiliki tanah.

Orang Asli juga berpeluang memiliki tanah sekiranya suatu rancangan yang menyerupai Tanah Simpanan Melayu, dan pembangunan terancang seperti FELDA dapat dirangka dan dibangunkan untuk mereka.

## Komentar



**Datuk Dr Anwar Ridhwan**

**Sasterawan** Negara dan Pensyarah Kanan Fakulti Penulisan Kreatif ASWARA